



## EKSPO 2020 DUBAI: MALAYSIA DI MATA DUNIA

**29 APRIL 2019, PUTRAJAYA** - Malaysia bakal mengambil bahagian dalam Ekspo 2020 Dubai di Dubai Exhibition Centre yang akan berlangsung pada 20 Oktober 2020 hingga 10 April 2021. Expo dunia ini merupakan salah satu acara tertua dan terbesar di dunia yang mana setiap lima (5) tahun, sebuah bandaraya akan dipilih secara bergilir untuk menjadi tuan rumah kepada acara bertema selama enam (6) bulan ini. Semua negara di dunia dijemput mengambil bahagian dan memperkenalkan yang terbaik daripada apa yang boleh mereka tawarkan. Ekspo ini buat pertama kalinya diadakan di Timur Tengah dan seramai 25 juta pengunjung dijangka menghadiri acara ini dalam tempoh enam bulan tersebut. Sehingga April 2019, lebih 190 negara dan organisasi antarabangsa telah mengesahkan penyertaan mereka.

Tema Ekspo 2020 Dubai ialah 'Menghubungkan Fikiran, Mewujudkan Masa Depan' (*Connecting Minds, Creating the Future*), yang mewakili potensi yang dapat dicapai melalui kerjasama dan perkongsian. Secara terperinci, tema ini dipecahkan kepada tiga bidang iaitu 'Peluang', 'Mobiliti' dan 'Kemampanan' ('Opportunity', 'Mobility' and 'Sustainability'). Pavilion Malaysia yang bertemakan 'Energising Sustainability', akan ditempatkan di 'Sustainability District' dan berjiran dengan pavilion dari negara Portugal, Ireland, Kanada, Mexico, Hungary, Korea, dan Filipina.

Penajaan tunai berjumlah suku juta ringgit (RM250,000) telah diterima daripada syarikat Helios Photovoltaic Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat Malaysia yang berjaya dalam menyediakan sistem penyelesaian tenaga bersih di Asia Tenggara dan juga membangunkan sistem bersepadu ladang solar di bandar-bandar seluruh Eropah dan Asia.

YB Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) berkata, "Saya bangga berikutan keputusan Kabinet pada 12 Disember tahun lalu, yang mana MESTECC telah ditugaskan mengetuai penyertaan Malaysia dalam ekspo ini dengan Ketua Setiausaha MESTECC, YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Jeneral Delegasi Malaysia, manakala GreenTech Malaysia sebagai agensi pelaksana untuk acara ini."

"Saya turut gembira melihat Puan Nailofer Al Bastaki, Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Encik Abdalla Al Zaman, Pengurus Emirates bersama-sama kita di sini. Hari ini, kami juga akan mempersembahkan Bingkai Rama-rama sebagai simbolik bagi "Butterfly Effect" yang memberi inspirasi bahawa perubahan kecil yang dilakukan di suatu tempat mampu membawa perubahan dan impak yang besar di tempat lain, dari Malaysia ke Dubai.

"GreenTech Malaysia telah diberi penghormatan dengan dilantik sebagai agensi pelaksana untuk acara terkemuka ini dan kami berjanji akan berusaha untuk membawa kegemilangan kepada Malaysia di Ekspo 2020 Dubai. Saya turut bersemangat untuk melihat idea syarikat-syarikat yang akan menjadi sebahagian daripada Delegasi Malaysia," kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif GreenTech Malaysia, Tuan Syed Ahmad Syed Mustafa.

"Pada masa ini, kami menyasarkan untuk mencapai beberapa sasaran utama, yang pertama, potensi nilai perdagangan dan / atau pelaburan sebanyak RM10 bilion, kedua, untuk mendapatkan 1,000 peneraju perniagaan dan ketiga, untuk mencapai 20 Memorandum Persefahaman atau Perjanjian Perkongsian antara syarikat-syarikat yang mengambil bahagian semasa pameran. Di samping itu, kami juga ingin menarik 1 juta pelawat ke Pavilion kami, menerima kunjungan 20 delegasi dari negara lain, dan menarik lebih daripada 5,000 pelawat ke dalam program kami."

Memandangkan Malaysia akan memberi tumpuan kepada perdagangan dan pelaburan sebagai hala tuju utama di ekspo ini, pihak pengangur sedang mencari syarikat untuk mengambil bahagian di pameran ini sebagai sebahagian daripada delegasi Malaysia, dan menyertai Pavilion Malaysia untuk program mingguan dan kelompok industri, dengan tema yang dicadangkan termasuk Pertanian dan Kelestarian Komoditi Utama; Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Alam Sekitar; Kebudayaan dan Pelancongan; e-Dagang dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); Perdagangan dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR); dan Pendidikan, Wanita dan Belia.

Pavilion Malaysia mempunyai lebih daripada 200 slot untuk organisasi tempatan, dari sektor awam dan swasta, untuk memperkenalkan barang dan penyelesaian mereka kepada dunia. Malaysia menyeru anda untuk mengambil peluang bagi memperkenalkan yang terbaik dalam acara kelas dunia ini. Di samping itu, terdapat tender terbuka untuk reka bentuk dan konsep Pavilion Malaysia di ekspo tersebut, yang akan menawarkan peluang bagi syarikat-syarikat untuk mengambil bahagian dalam pameran melalui tender ini. Untuk maklumat lanjut mengenai proses tender, sila layari [www.greentechmalaysia.my](http://www.greentechmalaysia.my)

Pavilion Malaysia akan melancarkan kempen jenama "The Butterfly Effect" tidak lama lagi. Ringkasnya, "The Butterfly Effect" mengajar kita bahawa tindakan kecil di satu lokasi boleh menyebabkan kesan yang besar di tempat lain. Momentum ini akan diteruskan dari Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai, yang memaparkan tema pilihan "Memperkasakan Kelestarian" hari ini dan esok. Ini berterusan dengan Malaysia dalam mencipta masa hadapan yang hijau dan menginspirasi dunia ke arah masa hadapan hijau yang mampan.

Kerajaan Malaysia juga mengalu-alukan tajaan dan perkongsian daripada sektor swasta atau mana-mana pihak yang ingin menawarkan sokongan mereka melalui pelbagai cara, bagi memacu penyertaan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan menawarkan pengalaman Malaysia yang benar-benar optimum di pavilion negara. Sebarang pertanyaan mengenai penajaan atau perkongsian, sila berhubung dengan pegawai yang berikut melalui e-mel: [michelle@greentechmalaysia.my](mailto:michelle@greentechmalaysia.my)

Pihak media yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Aneita Pandian Abdullah

No. Tel: 0192294732

E-mel: [aneita@greentechmalaysia.my](mailto:aneita@greentechmalaysia.my)

## **Mengenai Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (GreenTech Malaysia)**



Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (GreenTech Malaysia) adalah agensi kerajaan di bawah bidang kuasa MESTECC sebagai organisasi terkemuka dalam menerajui teknologi hijau untuk pertumbuhan hijau & kemapanan di Malaysia sejajar dengan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP 2017-2030).